

08 JUL 1999

Mahathir-Universiti

MAHATHIR MAHU UNIVERSITI TANAM CITA-CITA JADI TARAF DUNIA

CYBERJAYA, 8 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menggesa Universiti Multimedia (MMU), nadi keilmuan bagi Cyberjaya, supaya menanam cita-cita untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang tidak kurang daripada bertaraf dunia.

Perdana Menteri berkata ia mestilah menuju sasaran standard yang setinggi itu daripada segi pengalaman pengajian yang ditawarkan dan kualiti fakulti, ahli akademik dan penuntutnya.

"Ia mestilah bersedia untuk meneroka melepasi sempadan tradisional dalam pendidikan supaya dapat memenuhi keperluan dalam menghadapi cabaran zaman digital baru," kata beliau dalam perutusan yang dikeluarkan dalam Internet sempena pembukaan rasmi universiti itu esok.

Dr Mahathir sendiri akan merasmikan universiti berharga RM350 juta itu yang dibina di atas kawasan 80 hektar di Cyberjaya, satu daripada dua bandar raya pintar Malaysia yang terletak dalam lingkungan Koridor Raya Multimedia (MSC). Beliau telah melancarkan Cyberjaya pagi ini.

Beliau berkata pembukaan MMU merupakan tahap penting dalam perubahan negara menjadi masyarakat yang sentiasa mahu meningkatkan ilmunya.

Beliau berkata sebagaimana MSC dibina sebagai pusat ujian bagi teknologi maklumat dan multimedia yang baru muncul, begitulah MMU dilahirkan sebagai contoh pembelajaran dalam abad ke-21.

"Peranannya dijangka mencerminkan peranan Stamford University di Silicon Valley dalam melahirkan teknologi generasi akan datang dan pekerja berilmu yang mampu mengeluarkan produk daripada peringkat konsep sehingga peringkat komersil," katanya.

Dr Mahathir berkata MMU akan menjadi pemangkin kepada pengwujudan pengetahuan, inovasi dan penyelarasan penyelidikan dan pembangunan di kalangan ahli akademik, sektor swasta dan pihak lain berkepentingan.

Beliau berkata universiti itu juga mempunyai kelebihan kerana dapat belajar daripada pengalaman pihak lain yang terdahulu dan tidak akan terkongkong oleh amalan biasa yang terlalu ketat.

"Saya yakin bahawa ini akan memberinya kedudukan yang diperlukan untuk mengeluarkan tenaga kerja berilmu yang terbaik yang boleh ditawarkan oleh dunia dalam abad ke-21," katanya.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak melahirkan harapan agar MMU akan menjadi pelopor dalam pendidikan multimedia global pada masa akan datang.

Beliau berkata Malaysia perlu mempunyai masyarakat yang mahir daripada segi teknologi, menyesuaikan diri dengan sains dan cecap dalam bidang teknologi maklumat memandangkan kemajuan ekonomi negara pada masa akan datang akan berasaskan kepada ilmu pengetahuan.

"Kita perlu mengubah diri kita kepada entiti pembelajaran pada peringkat individu, kumpulan, pertubuhan, negeri dan negara. Secara idealnya, mengejar ilmu seharusnya menjadi keghairahan nasional kita," katanya.

Menteri Tenaga, Komunikasi Dan Multimedia Datuk Leo Moggie percaya bahawa MMU akan berjaya menjalankan peranannya untuk menyokong pertumbuhan dan ketahanan MSC, kawasan seluas 750 km persegi yang dikhaskan sebagai pusat bagi pembangunan produk dan perkhidmatan multimedia.

Universiti itu dijangka menempatkan kira-kira 6,000 pelajar dalam pelbagai bidang pengajian multimedia menjelang tahun 2002.

-- BERNAMA

TM NMO